

15 SEP 2001

SEA-Pertandingan (6ptg)

MALAYSIA KINI SASAR JUARA KESELURUHAN

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Setelah melepasi sasaran kutipan pingat emas hari ini, Malaysia kini menumpukan pula kepada matlamat menjadi juara keseluruhan Sukan SEA ke-21 ini.

Penerjun Yeo Ken Nee menjadi pemenang emas ke-81 dengan menjuarai acara papan anjal tiga meter lelaki. Sebelum itu pelayar Kevin Lim memenangi emas ke-80 yang menepati sasaran kontinjen negara untuk sukan kali ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengulas kejayaan negara hari ini berharap ia akan mendorong atlit negara untuk menambah lagi pungutan pingat supaya Malaysia boleh menjadi juara keseluruhan buat pertama kalinya.

Malahan, Perdana Menteri berkata beliau akan menimbang mengisytiharkan cuti umum kerana kejayaan mencapai sasaran itu.

Sehingga 6 petang, Malaysia masih mendahului negara-negara lain dengan 81 emas, 57 perak dan 66 gangsa, diikuti Thailand dengan 74-65-66 dan Indonesia dengan 57-54-59.

Sukan SEA kali ini berakhir Isnin ini.

-- BERNAMA

AZG MAI